



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PERSEPSI PENGGUNAAN EBOOK DAN BUKU FIZIKAL
DALAM KALANGAN PELAJAR

*PERCEPTION ON EBOOK AND PHYSICAL BOOK USAGE AMONG
UNIVERSITY STUDENTS*

Aishah Mahat¹, Nurhazirah Mohamad Yunos^{2*}

¹ Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, Malaysia

Email: aishahmahat@uitm.edu.my

² Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, Malaysia

Email: nurhazirah12394@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.02.2022

Revised date: 02.03.2022

Accepted date: 07.03.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Mahat, A., & Yunos, N. M. (2022). Persepsi Penggunaan Ebook Dan Buku Fizikal Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 414-421.

DOI: 10.35631/IJEPC.745032

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan persepsi penggunaan ebook dan buku fizikal dalam kalangan pelajar universiti. Seramai 96 orang pelajar universiti terlibat dalam kajian ini yang dijalankan pada semester Oktober 2021 hingga Februari 2022. Borang soal selidik digunakan sebagai pengumpulan data untuk mendapatkan perbandingan persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook dan buku fizikal dalam sistem pembelajaran. Keputusan soal selidik mendapati keberkesanan penggunaan ebook di kalangan pelajar lebih tinggi berbanding buku fizikal dengan memperoleh min sebanyak 4.298 dan sisihan piawai iaitu 0.801. Melalui maklumbalas yang diberikan oleh pelajar, fungsi serta ciri yang terdapat pada ebook boleh dipertingkatkan bagi menjadikan ia sesuai digunakan serta dapat memberi manfaat kepada pelajar secara keseluruhannya. Walaupun ebook merupakan suatu bentuk pembaharuan dalam penerbitan berbanding penggunaan buku fizikal yang sedia ada, namun kajian yang berterusan perlu dilakukan bagi tujuan penambahbaikan kepada pengguna.

Kata Kunci:

Ebook, Buku Fizikal, Bahan Pembelajaran

Abstract:

This article discussed the perception between ebook and physical book usage among university students. A total of 96 university students were involved in this study which was conducted in the previous semester October 2021 – February 2022. Questionnaire was used as a research collection to obtain a comparison of student's perceptions on ebook and physical books during learning time. The results found the effectiveness on ebook usage among students are higher compared to physical book usage with obtaining the result of a mean with 4.298 and a standard deviation of 0.801. Through the feedback given, functions and features found in ebook need to be improved so that it is suitable to use and give benefits to other students. Although ebook is a new form of innovation in publishing compared to existing physical books, continuous research needs to be done for user's satisfaction.

Keywords:

Ebook, Physical Book, Learning Materials

Pengenalan

Bahan pengajaran merupakan perkara asas dalam proses pembelajaran (Santoso et al,2018). Di kebanyakan negara, bahan pengajaran merupakan bahan sokongan atau rujukan yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Ia termasuk sebagai kategori bahan yang dihasilkan oleh pengajar, hasil rekaan atau buatan daripada pelajar, buku teks, kertas kerja, kamus, peralatan sains dan juga ebook. Sebahagian tenaga pengajar beranggapan bahawa dengan perkembangan teknologi menjadikan mereka mengalami pertambahan bebanan kerja. Namun demikian, penggunaan teknologi dengan betul mampu membantu pelajar menyokong aktiviti pembelajaran serta membantu dalam perkembangan kemahiran yang baru (Parker et al, 2019). Pada masa kini, bahan pembelajaran semakin mengalami perubahan selari dengan pembangunan kemajuan teknologi yang sedang berkembang pesat. Susulan perkembangan teknologi terhadap era pendidikan moden, ia bertindak menghasilkan bahan pengajaran yang boleh diperolehi dengan kaedah yang lebih mudah secara dalam talian. Melalui cara ini, proses pembelajaran dapat dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Dengan kewujudan pelbagai jenis peranti yang serba lengkap dan moden seperti telefon bimbit, tab, komputer serta alat peranti elektronik yang lain, para pelajar dapat mencari dan berpeluang mempelajari ilmu dengan lebih mudah dan cepat. Perkembangan ebook dikatakan sebagai medium popular bagi mencari maklumat dengan pantas pada masa kini. Berdasarkan Gardiner & Musto (2010), ebook merupakan buku yang dihasilkan dan diterbitkan dalam bentuk digital dan ia boleh dibaca secara dalam talian menggunakan komputer atau alat peranti elektronik. Gabungan multimedia seperti gambar, muzik, video, permainan interaktif serta kuiz boleh dihasilkan bagi mewujudkan sebuah ebook menjadi lebih menarik (Dicks & Romanelli, 2019). Oleh itu, matlamat kajian yang dilakukan ini bertujuan mengetahui persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook dan buku fizikal dalam bahan pembelajaran serta keberkesanan penggunaan kedua-dua bahan rujukan di kalangan pelajar.

Sorotan Literatur

Secara dasarnya, aktiviti pembelajaran dan pembacaan yang telah dipupuk sejak dahulu kala telah dilaksanakan melalui penggunaan buku fizikal. Maka tidak hairan jika buku fizikal menjadi pilihan pengguna. Keadaan yang selesai menggunakan buku fizikal menyebabkan

ramai pengguna masih memilih buku fizikal sebagai pilihan utama jika dibandingkan dengan ebook (Millar & Schrier, 2015). Selain itu, menurut Bouck et al. (2016), pelajar menghadapi masalah ketika menggunakan ebook kerana mereka tidak tahu cara yang mudah dan berkesan untuk menggunakannya, seterusnya menyebabkan mereka lebih cenderung untuk menggunakan buku fizikal. Penggunaan buku fizikal turut memberi impak dari segi sentuhan fizikal bagi setiap muka surat dan ia menjadi lebih mudah untuk membuat nota (Dyah, 2020). Hal ini juga memudahkan mereka untuk merujuk kembali nota tersebut. Walaubagaimanapun, menurut Dyah (2020) buku fizikal juga mempunyai beberapa kekangan seperti sukar untuk dibawa dan didapati selain keperluan penjagaan yang rapi diperlukan untuk mengelakkan warna buku bertukar kekuningan dan kotor akibat dari kesan makanan atau minuman. Namun begitu, pada era digital ini, tidak dapat dinafikan bahawa teknologi sudah semakin mengambil tempat di hati para pengguna. Generasi muda pada masa kini lebih arif dan mahir dalam penggunaan teknologi. Pelajar kerap menggunakan ebook bagi tujuan kajian dan pembelajaran namun mereka lebih gemar menggunakan buku fizikal untuk membaca buku seperti novel (Cumaoglu, 2013). Selain itu, perincian animasi yang digunakan dalam ebook menjadi suatu galakan dalam proses pembelajaran kerana animasi mampu memberi tarikan berbanding bahan belajar yang bersifat statik (Smeets & Bus, 2013). Ebook yang mempunyai ciri interaktif bagi mod pembelajaran boleh mencetuskan motif yang mendalam terhadap pelajar, dan seterusnya menggalakkan proses pembelajaran (Sung et al., 2019). Kajian yang dijalankan oleh Nie et al. (2021) menunjukkan bahawa ebook mempunyai ciri-ciri yang lebih menarik seperti reka bentuk yang berwarna-warni, isi mudah dibaca dengan sokongan audio dan ilustrasi, dan format buku yang menjimatkan kertas. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan anak muda. Menurut Alfiras dan Bojiah (2020), kebanyakan pelajar gemar menggunakan ebook kerana ianya mudah didapati dengan hanya menggunakan telefon bimbit, tidak memerlukan ruang untuk simpanan secara fizikal dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan. Ini dapat dibuktikan melalui kajian mereka berkaitan persepsi pelajar yang memerlukan ebook sebagai keperluan dalam pembelajaran berdasarkan subjek sains sosial, pengurusan dan bahasa, matematik dan kejuruteraan serta sains. Selain itu, menurut Sukardi (2021), pelajar lebih gemar menggunakan ebook berbanding buku fizikal kerana ebook lebih mudah dibawa dan boleh dibaca pada bila-bila masa terluang. Setiap kebaikan pasti juga akan disulami dengan keburukan. Pengguna menyatakan bahawa kekerapan membaca ebook boleh menyebabkan berlaku keletihan mata dan sakit kepala (Dyah, 2020). Kenyataan ini turut disokong oleh kajian daripada Rafiq dan Warraich (2019) yang menunjukkan bahawa pengguna lebih gemar menggunakan buku fizikal berbanding ebook kerana mereka tidak berupaya menahan mata untuk menghadap skrin dengan terlalu lama. Namun begitu, cara dan masa penggunaan ebook boleh dikawal oleh setiap pengguna. Berdasarkan kajian lepas, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan ebook memberi kesan yang positif terhadap pelajar. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengupas persepsi pelajar universiti terhadap penggunaan ebook dan buku fizikal dalam konteks pembelajaran.

Metodologi

Kajian ini dijalankan ke atas para pelajar universiti yang mengikuti sesi pembelajaran dalam talian pada semester Oktober 2021 sehingga berakhir Februari 2022. Seramai 96 orang pelajar telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kaedah kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam pendekatan kuantitatif diperolehi melalui kaedah temu bual, soal selidik dan dokumentasi (Kriyantono, 2014). Melalui kajian ini borang soal selidik ini digunakan bagi mendapatkan

maklumbalas daripada responden. Borang soal selidik yang dibangunkan sebagai instrumen dalam kajian ini melibatkan tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A merujuk kepada demografi responden. Bahagian B menunjukkan persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook manakala Bahagian C melibatkan persepsi pelajar terhadap penggunaan buku fizikal. Bahagian B dan C terdiri daripada 15 item soalan dan ia menggunakan skala pengukuran interval iaitu Skala Likert 5 mata iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Neutral (N), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS). Skala Likert ini telah dibangunkan pada tahun 1932 oleh Rensis Likert. (Likert, 1932). Skala ini bertujuan sebagai alat psikometrik serta digunakan secara meluas dalam penyelidikan. Di dalam tinjauan responden diminta menyatakan tahap persetujuan mereka melalui pernyataan yang diberikan melalui pengukuran skala. Menurut kajian oleh Taherdoost (2019), Skala Likert ini senang dihasilkan serta mempunyai skala yang jelas. Daripada perspektif peserta, ia sangat mudah dibaca dan senang dilengkapkan. Tinjauan kajian daripada Zhang & Savalei (2016) menunjukkan bahawa terdapat kelemahan yang didapati dalam penggunaan Skala Likert ini di mana kebanyakan responden tidak begitu peka terhadap skala pengukuran yang terdapat di dalam soal selidik tersebut. Oleh yang demikian, kajian Kim (2020) mencadangkan bahawa format skala Likert tersebut perlu diperluaskan dengan mengubah kepada struktur ayat yang lebih jelas bagi memberi kefahaman kepada responden. Data primer yang diperolehi dari borang soal selidik dikumpulkan, direkod dan dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Ebook

Berdasarkan persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook dalam Jadual 1, item penggunaan ebook dapat memberi kemudahan untuk dibawa ke mana-mana mendapat skor min yang tertinggi sebanyak ($M=4.562$, $SD=0.661$), diikuti dengan penjimatan kos iaitu ($Min=4.5$, $SP=0.739$), mesra alam sekitar, ($Min=4.447$, $SP=0.723$), kemudahan penyimpanan ($Min=4.427$, $SP=0.628$), popular dalam penggunaan ($Min=4.395$, $SP=0.76$), cadangan mengesyorkan penggunaan kepada orang lain ($Min=4.322$, $SP=0.827$), cadangan penggunaan pada masa akan datang ($Min=4.302$, $SP=0.884$), elemen interaktif ($Min=4.27$, $SP=0.787$), kemudahan penggunaan ($Min=4.26$, $SP=0.729$), keutamaan dalam pembelajaran ($Min=4.239$, $SP=0.83$), pengalaman pembelajaran ($Min=4.208$, $SP=0.832$), meningkatkan kefahaman ($Min=4.208$, $SP=0.857$), serta kepuasan dalam penggunaan ($Min=4.156$, $SP=0.886$). Walaubagaimanapun, terdapat dua item yang mendapat skor min yang terendah iaitu wujud keseronokan sewaktu membawa ebook dan meningkatkan motivasi ($Min=4.093$, $SP=0.941$). Berdasarkan keputusan diatas, dapat dilihat bahawa responden mempunyai pelbagai persepsi terhadap penggunaan ebook. Keseluruhan min yang diperolehi adalah 4.298 manakala sisihan piawai 0.801. Oleh yang demikian, semua responden bersetuju mengenai persepsi terhadap penggunaan ebook.

Jadual 1: Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Ebook

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Pangkat
Mudah digunakan	4.26	0.729	9
Mudah disimpan	4.427	0.628	4
Mudah dibawa	4.562	0.661	1

Populer dalam penggunaan	4.395	0.76	5
Penjimatan kos	4.5	0.739	2
Kepuasan penggunaan	4.156	0.886	13
Mewujud keseronokan semasa membawa ebook	4.093	0.941	14
Cadangan penggunaan masa akan datang	4.302	0.884	7
Cadangan mengesyorkan pada orang lain	4.322	0.827	6
Keutamaan dalam pembelajaran pelajar	4.239	0.83	10
Pengalaman pembelajaran	4.208	0.832	11
Elemen interaktif	4.27	0.787	8
Mesra alam sekitar	4.447	0.723	3
Meningkatkan motivasi	4.093	0.941	14
Meningkatkan kefahaman	4.208	0.857	12
Keseluruhan	4.298	0.801	

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Buku Fizikal

Merujuk Jadual 2 mengenai persepsi pelajar terhadap penggunaan buku fizikal, skor min yang tertinggi dapat dilihat melalui item dapat meningkatkan kefahaman (Min=3.812, SP=1.098), diikuti kemudahan penggunaan (Min=3.791, SP=1.113), kepuasan dalam penggunaan (Min=3.781, SP=1.087), pengalaman pembelajaran (Min=3.718, SP=1.139), wujud keseronokan sewaktu membawa buku fizikal (Min=3.625, SP=1.198), elemen interaktif (Min=3.645, SP=1.056), keutamaan dalam pembelajaran (Min=3.583, SP=1.13), meningkatkan motivasi (Min=3.552, SP=1.103), cadangan penggunaan buku fizikal pada masa akan datang (Min=3.50, SP=1.16), populer dalam penggunaan (Min=3.437, SP=1.003), cadangan mengesyorkan penggunaan buku fizikal kepada orang lain (Min=3.406, SP=1.138), kemudahan penyimpanan (Min=3.343, SP=1.064), mesra alam sekitar (Min=3.114, SP=1.15), serta kemudahan untuk dibawa ke mana-mana (Min=3.093, SP=1.096). Manakala min yang paling rendah adalah item yang melibatkan penjimatan kos iaitu (M=2.875, SD=1.299). Keseluruhan persepsi pelajar terhadap buku fizikal menunjukkan min berada pada 3.485 manakala sisihan piawai pula ialah 1.122. Ini menunjukkan bahawa responden neutral terhadap penggunaan buku fizikal.

Jadual 2: Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Buku Fizikal

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Pangkat
Mudah digunakan	3.791	1.113	2
Mudah disimpan	3.343	1.064	12
Mudah dibawa	3.093	1.096	14
Populer dalam penggunaan	3.437	1.003	10
Penjimatan kos	2.875	1.299	15
Kepuasan penggunaan	3.781	1.087	3
Mewujud keseronokan semasa membawa buku fizikal	3.625	1.198	5
Cadangan penggunaan masa akan datang	3.5	1.16	9
Cadangan mengesyorkan pada orang lain	3.406	1.138	11
Keutamaan dalam pembelajaran pelajar	3.583	1.13	7
Pengalaman pembelajaran	3.718	1.139	4
Elemen interaktif	3.645	1.056	6

Mesra alam sekitar	3.114	1.15	13
Meningkatkan motivasi	3.552	1.103	8
Meningkatkan kefahaman	3.812	1.098	1
Keseluruhan	3.485	1.122	

Berdasarkan respon yang diterima daripada responden, mereka memberikan komen mengenai ebook. Majoriti responden memberikan komen yang positif tentang ebook. Secara terperinci, responden mendapati bahawa ebook sangat sesuai digunakan sebagai salah satu kaedah dalam konsep pembelajaran. Ini disebabkan ia mampu menarik minat pelajar dan pembaca. Selain itu, ebook merupakan bahan sokongan yang mudah digunakan oleh para pelajar kerana mereka dapat menggunakan ebook pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Selain itu, pengguna ebook juga mendapati bahawa mereka begitu seronok menggunakan ebook kerana kandungan yang menarik serta interaktif di mana dapat memperoleh maklumat dengan lebih pantas. Ebook yang bersifat interaktif mampu membantu pelajar untuk menguatkan daya ingatan dan kefahaman. Dapatan ini turut disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Hermansyah et al. (2017) dan Harjono et al. (2020), yang mana, kandungan ebook yang interaktif dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif. Menurut Abu Bakar et.al (2021), dengan kewujudan teknologi dilihat dapat memainkan peranan dalam meningkatkan pembelajaran pelajar serta memotivasikan mereka dalam aktiviti pembelajaran, Oleh itu, penghasilan ebook dapat memberi faedah yang besar serta bermanfaat kepada pelajar. Melalui maklum balas yang diperolehi ke atas buku fizikal, majoriti responden menyatakan bahawa mereka sangat berminat menggunakan ebook berbanding buku fizikal. Ianya berikutan harga buku fizikal sangat mahal jika dibandingkan dengan ebook. Responden juga menyatakan bahawa buku fizikal ini lebih sukar digunakan kerana mereka perlu menggalas buku fizikal yang berat dan tebal serta ia mengambil ruang di dalam beg serta memerlukan penjagaan yang rapi. Berbeza dengan ebook, penyimpanan secara fizikal tidak diperlukan. Dapatan ini turut disokong oleh Alfiras dan Bojiah (2020), ebook mudah didapati dengan hanya menggunakan telefon bimbit, tidak memerlukan ruang untuk simpanan secara fizikal dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan. Namun begitu terdapat juga kebaikan yang diperolehi melalui penggunaan buku fizikal. Antaranya dari segi kandungan maklumat, ia memberi kemudahan dengan lebih jelas dan teratur. Dengan cara itu pelajar dapat merujuk secara terus di samping dapat membuat nota dengan kemas. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Dyah (2020). Selain itu, pelajar tidak mudah mengalih perhatian seperti mana penggunaan ebook dengan menggunakan alat peranti elektronik seperti telefon pintar, tab mahupun komputer sewaktu sedang mencari maklumat. Justeru, dapat dilihat dengan jelas bahawa penggunaan ebook dapat memberikan pelbagai faedah kepada pengguna.

Cadangan Dan Kesimpulan

Konsep kajian ini adalah bertujuan mengetahui sejauh mana persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook dan buku fizikal dari sudut pembelajaran terutama dalam pemilihan terhadap buku rujukan atau buku teks. Keseluruhan kajian mendapati para pelajar memilih ebook sebagai sumber rujukan dalam pembelajaran. Oleh itu, diharap dengan penggunaan ebook, dapat menarik minat pelajar untuk memperoleh pelbagai maklumat dari sumber yang tepat seterusnya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam aktiviti pembelajaran. Selain itu, diharap tenaga pengajar dapat menggunakan ebook ini untuk membantu mereka sewaktu pengajaran bukan sahaja semasa pengajaran bersemuka tetapi juga boleh mengaplikasikannya semasa menjalankan pengajaran dalam talian bersama pelajar.

Walaupun bagaimanapun, ciri-ciri bahan bacaan seperti kandungan bacaan, jenis bacaan, saiz dan ketebalan bahan bacaan juga perlu diambilkira dalam mempengaruhi kepuasan pembaca. Selain daripada aspek penerbitan yang melibatkan buku teks dan buku rujukan, kajian terhadap genre penerbitan yang lain seperti jurnal, majalah, novel, buku motivasi juga harus dilakukan pada masa hadapan bagi mengetahui sejauhmana persepsi pembaca terhadap penerimaan dalam konsep ebook.

Rujukan

- Abu Bakar, A. L., Osman, W. H., Abd. Rahim, S., & Rahman, N. D. (2021). Student Perception In Using Madlipz In An English Oral Communication Classroom: A Case Study In Universiti Malaysia Sabah, Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 01-13. doi: 10.35631/IJEPC.641001
- Alfiras, M., & Bojiah, J. (2020). Printed textbooks versus electronic textbooks: A study on the preference of students of Gulf university in kingdom of Bahrain. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 15(18), 40-52.
- Bouck, E. C., Weng, P. L., & Satsangi, R. (2016). Digital versus traditional: Secondary students with visual impairments' perceptions of a digital algebra textbook. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 110(1), 41-52
- Cumaoglu, G., Sacici, E., & Torun, K. (2013). Ebook versus printed materials: preferences of university students. *Contemporary educational technology*, 4(2), 121-135.
- Dicks, M., & Romanelli, F. (2019, April). Impact of novel active-learning approaches through eBooks and gamification in a reformatted pharmacy course. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 83(3), 430-440.
- Dyah Puspitasari Srirahayu, G. C. P. (2020). The printed book and electronic book (ebook) experiences of digital natives in Indonesia. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 55(6).
- Gardiner, E. and Musto, R. G. Musto. (2010). The Electronic Book, In M.F. Suarez, and H.R. Woudhuysen, *The Oxford Companion to the Book*, Oxford University Press, Oxford, p.164.
- Harjono, A., Gunawan, G., Adawiyah, R., & Herayanti, L. (2020). An Interactive e-Book for Physics to Improve Students' Conceptual Mastery. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 15(5), 40-49.
- Hermansyah, H., Gunawan, G., & Herayanti, L. (2017). Pengaruh penggunaan laboratorium virtual terhadap penguasaan konsep dan kemampuan berpikir kreatif siswa pada materi getaran dan gelombang. *Jurnal Pendidikan Fisika dan Teknologi*, 1(2), 97-102.
- Kim, J. (2020). Emotional Labor Strategies, Stress, and Burnout Among Hospital Nurses: A Path Analysis. *Journal of Nursing Scholarship*, 52 (1), 105–112.
- Kriyantono, R. (2014). *Teknik Praktis Riset Komunikasi*. Jakarta: Prenada Media.
- Likert, R. (1932). A Technique for the Measurement of Attitudes. *Archives of Psychology*, 22(140), 1–55.
- Millar, M., & Schrier, T. (2015). Digital or printed textbooks: which do students prefer and why?. *Journal of Teaching in Travel & Tourism*, 15(2), 166-185.
- Nie, W. K. J., Rahman, S., & Surat, S. (2021). Minat Membaca Buku Elektronik dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 119-129.
- Parker, C., Stylinski, C., Bonney, C., DeLisi, J., Wong, J., & Doty, C. (2019). Measuring quality technology integration in science classrooms. *Journal of Science Education and Technology*, 28, 567-578.

- Rafiq, S., & Warraich, N. F. (2019). Medical undergraduate students' perception towards the use and non-use of ebooks: a case from Pakistan. *Collection and Curation*.
- Santoso, B.T.N., Siswandari, Sawiji, H. (2018). The Effectiveness of eBook versus Printed Books in the Rural Schools in Indonesia at the Modern Learning Era. *International Journal of Educational Research Review*, p.77-84.
- Smeets, D., & Bus, A. G. (2013). Picture storybooks go digital: Pros and cons. *Reading instruction in the age of common core standards*, 176-189.
- Sukardi, S. (2021). Analisa Minat Membaca Antara Ebook Dengan Buku Cetak Menggunakan Metode Observasi Pada Politeknik Tri Mitra Karya Mandiri. *IKRA-ITH EKONOMIKA*, 4(2), 158-163.
- Sung, H. Y., Hwang, G. J., Chen, C. Y., & Liu, W. X. (2019). A contextual learning model for developing interactive ebooks to improve students' performances of learning the Analects of Confucius. *Interactive Learning Environments*, 1-14.
- Taherdoost, H. (2019). What Is the Best Response Scale for Survey and Questionnaire Design; Review of Different Lengths of Rating Scale / Attitude Scale / Likert Scale. *International Journal of Academic Research in Management (IJARM)*, 8 (1), 1-10.
- Zhang, X., Noor, R., and Savalei, V. (2016). Examining the effect of reverse worded items on the factor structure of the need for cognition scale. doi: 10.1371/journal.pone.0157795